

Kenyataan PM amamn kepada bangsa Melayu

Oleh Kadir Dikoh, Jamaliah Jaafar, Misfar Taib, Shamsul Kamal Amarudin, Yusri Abdul Malek, Azna Rizan Mohamad, Shamshul Azree Samshir, Johary Indan, Daut Noor, Betty Subaryati dan Mohd Rafi Mamat

KUALA LUMPUR, Ahad - Orang Melayu perlu menyifatkan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa orang bukan Melayu juga berpeluang menjadi Perdana Menteri, sebagai satu amaran serius mengenai ketenangan Melayu.

Kebanyakan pemimpin Umno menegaskan, kenyataan itu adalah satu daripada cara Perdana Menteri untuk memberi amaran kepada orang Melayu jika mereka terus berpecah-belah serta lalai dengan keadaan yang hanya merugikan bangsa pada masa depan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau memandang kenyataan Dr Mahathir itu dalam konteks sebagai memberi amaran bahawa orang Melayu boleh hilang kuasa jika mereka terus enggan bekerjasama.

Katanya, ini adalah satu kejutan kepada orang Melayu bahawa kuasa yang ada di tangan mereka sekarang bukan jaminan untuk selama-lamanya, sebaliknya ia perlu disusuli

dengan kerja keras.

"Saya melihat kenyataan Perdana Menteri dalam konteks untuk memberi ingatan kepada orang Melayu bahawa kita boleh kehilangan kuasa jika tidak memberi tumpuan yang lebih kepada soal perpaduan, penilaian membabitkan kepimpinan dan lain-lain faktor penting.

"Jadi ini adalah satu kejutan kepada orang Melayu bahawa kuasa yang ada bukan jaminan akan berada di dalam tangan mereka selama-lamanya. Jika mengikut sejarah kuasa Melayu boleh hilang hanya dengan pujuk rayu orang asing, jadi jangan fikir kuasa yang ada sekarang akan kekal selamanya," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Husein, pula berkata masa belum sesuai sekarang bagi orang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri dan ia tetap tidak mahu berkompromi bahawa pemimpin mewakili Umno harus memegang jawatan nombor satu itu.

Katanya, apa yang dinyat-

takan oleh Dr Mahathir itu semalam adalah satu visi, harapan dan impian yang jawatan itu boleh disandang oleh orang bukan Melayu suatu hari nanti.

"Mungkin kita dapat lihat ia menjadi satu realiti. Tetapi bagi saya, selaku Ketua Pemuda Umno, saya rasa masanya bukanlah sesuai sekarang," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Bulan Sukan Kebangsaan 2000, di sini hari ini.

Dr Mahathir ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA semalam menyatakan orang bukan Melayu tetap berpeluang menjadi Perdana Menteri jika diterima semua kaum di negara ini.

Bagaimanapun, Hishammuddin melahirkan keyakinan bahawa kenyataan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno itu adalah untuk melihat jauh ke hadapan iaitu ia mungkin menjadi realiti suatu masa nanti.

Ahli veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata keadaan itu tidak mustahil berlaku dan tidak ada apa yang boleh menyekat

orang bukan Melayu menyandang jawatan nombor satu itu.

"Saya tidak terperanjat. Sama ada Perdana Menteri umumkan atau tidak dan sekiranya beliau tidak cakap pun, perkara ini tidak mustahil kerana kita perlu sedar apa yang ada di tangan tidak akan selamanya dapat dipegang," katanya.

Di Kuantan, Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob, berkata pada masa ini, belum sampai masanya orang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri, tetapi perkara itu bukan mustahil pada masa akan datang.

"Dr Mahathir membuat kenyataan itu untuk mencetus pemikiran rakyat mengenai perkara yang kemungkinan berlaku pada masa depan di negara ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata jika mahu jawatan Perdana Menteri terus dipegang orang Melayu, orang Melayu perlu bersatu padu dan kuat.

Seorang kakitangan swasta, Roslina Ramli, 21, tidak menolak kemungkinan pelbagai keistimewaan

orang Melayu akan hilang jika Malaysia pada satu hari nanti diterajui Perdana Menteri daripada bukan Melayu.

Katanya, kekacauan dan pelbagai masalah mungkin berlaku dan ini boleh dilihat di negara lain.

“Sebelum sebarang masalah berlaku dan seterusnya menghancurkan negara, semua pihak, terutama kepimpinan Barisan Nasional (BN) harus mencari jalan terbaik bagi negara,” katanya.

Bagi pesara, Rahim Abdullah, 58, persoalan yang perlu diteliti dan diambil perhatian serius ialah adakah dengan cara itu, orang Melayu boleh berjaya.

Katanya, walaupun Dr Mahathir hanya membuat satu kenyataan, secara tidak langsung boleh memecahkan perpaduan orang Melayu yang terlalu menghormati kedudukan Perdana Menteri.

“Saya berpendapat kenyataan itu sangat pedas dan mampu menggugat sokongan rakyat, terutama kepada BN yang disokong sejak berpuluh-puluh tahun lalu,” katanya.

Seorang peniaga, Abdul Malik Sulaiman, 38, menganggap jika menjadi kenyataan, Perdana Menteri daripada orang bukan Melayu, secara tidak langsung boleh mengundang kekacauan.

“Sanggupkah kita melihat kejadian berdarah berulang, negara kucar-kacir seterusnya penjajah mudah masuk dan menakluki Malaysia,” katanya.

Di **JOHOR BAHRU**, suri rumah, Maimunah Md Isa, 55, berkata adalah tidak wajar orang bukan Melayu menjadi Perdana Menteri memandangkan Malaysia adalah sebuah negara Islam.

“Saya tidak bersetuju jika orang bukan Melayu dipilih menjadi Perdana Menteri,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Sambil menganggap ia satu isu sensitif, Maimunah berkata, orang bukan Melayu perlu benar-benar memahami budaya

dan adab masyarakat Melayu, jika dilantik menjadi Perdana Menteri.

Di **KUCHING**, pesara, Drahman Ondek, 60, berkata setakat ini keempat-empat Perdana Menteri di negara ini yang semuanya berketurunan Melayu menunjukkan mereka boleh memerintah dengan adil dan tidak ada kaum yang ditindas.

“Jadi saya rasa kita mesti kekalkan seorang pemimpin Melayu untuk menyandang jawatan nombor satu itu. Lagi pun kita tidak mahu Malaysia jadi seperti Singapura,” katanya.

Seorang peniaga, Sap-tuyah Karim, 48, pula berpendapat Malaysia harus terus dipimpin seorang Perdana Menteri Melayu.

Lagi pun, kata beliau, keutamaan harus diberikan kepada parti majoriti yang mendapat sokongan rakyat dan jika Umno terus mendapat sokongan majoriti, mestilah Perdana Menteri dipilih dari parti itu.

Di **GEORGETOWN**, Osman Hussein, 50, peniaga dari Bayan Lepas, tidak bersetuju jika bangsa lain yang bukan beragama Islam dilantik menjadi Perdana Menteri dalam sebuah negara yang majoriti penduduk dan agama rasminya adalah Islam.

Katanya, pelantikan bangsa lain sebagai Perdana Menteri juga dikhuatiri akan melenyapkan ketuanan Melayu, sekali gus terus menyebabkan bangsa Melayu terpinggir di negara sendiri.

Beliau berkata, hak Perdana Menteri daripada kalangan orang Melayu beragama Islam perlu dikekalkan supaya Malaysia terus menjadi sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, walaupun ia mempunyai penduduk pelbagai bangsa.

“Ketika bangsa Melayu sedang membangun terutama dalam sektor ekonomi adalah tidak wajar ja-

watan Perdana Menteri terlepas kepada bangsa lain, yang pasti akan memberi keutamaan kepada bangsa mereka,” katanya.

Norizan Ishak, 42, suri rumah dari Sungai Nibong, berpendapat kenyataan Perdana Menteri itu mempunyai mesej tersirat supaya masyarakat Melayu sedar mereka perlu terus bersatu padu dan tidak berpecah-belah.

Katanya, tidak mustahil kaum lain boleh menjadi Perdana Menteri jika bangsa Melayu sentiasa bercakaran sesama sendiri dan tidak menghormati pemimpin yang dilantik melalui proses demokrasi.

Beliau berkata, kaum yang bersatu padu, bermaafkat dan berjaya dalam pelbagai bidang pasti akan menjadi kebanggaan kaum lain.

“Perdana Menteri yang bijak adalah tunggak kejayaan sesebuah negara, tetapi Perdana Menteri akan dikecam jika bangsanya kucar-kacir, tidak bersatu sehingga boleh menjadi bahan ketawa atau ejekan bangsa lain,” katanya.

Di **KOTA BHARU**, seorang peniaga dari Jalan Bayam, Ismail Mohamad, 36, berkata beliau tidak bersetuju sama sekali dengan apa yang dilahirkan Dr Mahathir kerana jika peluang itu diberi, negara

ini akan dikuasai orang bukan Melayu.

Beliau berkata, dalam perlembagaan Umno ada dinyatakan perjuangan parti itu untuk memartabatkan Islam dan Melayu.

“Jika jawatan Perdana Menteri diserahkan kepada bukan Melayu, ke mana arah perjuangan Islam dan Melayu seperti diutarakan perlembagaan parti itu,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Seorang peniaga di Jalan Pangkalan Chepa di sini, Ismail Mat, 38, berkata jika jawatan itu dipegang orang bukan Melayu, orang Melayu akan terbelakang dalam semua peluang yang diwujudkan kerajaan.

Mejar (B), Hashim Zakaria, 51, berkata sepatutnya negara ini melihat contoh apa yang berlaku di Singapura yang mana Perdana Menteri bukan orang Melayu.

“Orang Melayu di negara ini kini terpinggir termasuk dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan pembangunan. Kita perlu mengelak kejadian seperti itu berlaku di negara ini.

“Orang Melayu perlu kekal memegang jawatan Perdana Menteri supaya Islam tetap terpelihara, manakala ekonomi, politik dan sosial dapat dikuasai sepenuhnya oleh orang Melayu,” katanya.